



DRAF RANCANGAN TEMPATAN

PASIR PUTEH 2020

Pasir Puteh Bandar Maritim

Sejarah perjuangan Tok Janggut tidak dapat dipisahkan dengan Jajahan Pasir Puteh, Kelantan. Jajahan Pasir Puteh akan dibangunkan dan dirancang kepada tempat yang sesuai didiami dan bekerja menerusi perancangan yang baik dalam mentransformasikan pembangunan negara yang lebih cemerlang pada masa depan dan untuk generasi akan datang.

Rancangan Tempatan Jajahan Pasir Puteh merupakan satu dokumen perancangan pembangunan jajahan hingga tahun 2020. Ia disediakan oleh Jabatan Perancangan Bandar Dan Desa Semenanjung Malaysia bagi pihak Majlis Daerah Pasir Puteh dan Kerajaan Negeri Kelantan.

APAKAH PERANAN ANDA

Orang awam boleh memberi pandangan, ulasan dan bantahan sekiranya ada untuk dipertimbangkan bagi memantapkan lagi rancangan ini dalam tempoh publisiti selama sebulan bermula **15 November 2011** hingga **22 Disember 2011**.

Orang awam boleh membuat semakan kepada Laporan dan pelan-pelan perancangan tersebut di Pejabat Majlis Daerah Pasir Puteh dan Pejabat Jabatan Perancangan Bandar Dan Desa Negeri Kelantan. Sesi dialog dan taklimat juga akan diadakan bagi memberi hebahan yang lebih menyeluruh.



Peta Kawasan Pasir Puteh, Kelantan.

Banci tahun 2010 oleh Jabatan Perangkaan Malaysia, penduduk di Jajahan Pasir Puteh seramai 113,069 orang. Adalah dianggarkan jumlah penduduk jajahan ini akan meningkat dari 113,069 orang pada tahun 2010 kepada 127,909 ribu orang pada tahun 2015 dan seterusnya kepada 147,338 orang pada tahun 2020.




Sebelum Cadangan Meningkatkan Tahap Vista Sungai



Selepas Cadangan Meningkatkan Tahap Vista Sungai

WAWASAN PEMBANGUNAN PASIR PUTEH 2020

Membangunkan Jajahan Pasir Puteh Dengan Memberikan Fokus Kepada Pembangunan Industri Maritim, Pertanian, Dan Perbandaran Yang Lebih Efisien



TERAS PEMBANGUNAN PASIR PUTEH

4 Teras Utama

- TERAS 1 : Pembangunan Guna tanah yang Mampan.
- TERAS 2 : Pembangunan Bandar Sejahtera.
- TERAS 3 : Pembangunan Ekonomi yang Berdaya Maju.
- TERAS 4 : Urustadbir yang Efisien dan Berkualiti.



Memorial Tugu Tok Janggut

STRATEGI PEMBANGUNAN

5 zon pembangunan yang utama seperti berikut;

- Zon Pengkalan Padi - Kawasan Pertanian Padi Aktif IADA SEMERAK dan KADA.
- Hub Pembangunan Industri Maritim - Bandar Maritim Tok Bali.
- Zon Perbandaran Petempatan Utama - Bandar Pasir Puteh-Padang Pak Amat, Tok Bali- Cherang Ruku dan Selising.
- Zon Pembangunan Terkawal - 200 meter dari Jalan Utama Pasir Puteh-Kota Bharu.
- Hub Pelancongan - Hub pelancongan pantai (Tok Bali) dan Hub eko- pelancongan.

CADANGAN PROJEK PEMBANGUNAN

Perbandaran

- Menyusun dan membangunkan komponen bandar bertaraf Pusat Separa Wilayah Negeri di Bandar Pasir Puteh.
- Pembangunan imej Bandar Maritim di Tok Bali.

Ekonomi - Pertanian, Perikanan dan Perindustrian Maritim

- Pengekalan tanah kelas 1 (tanah subur) - tanaman padi aktif IADA SEMERAK dan KADA.
- Menaiktaraf jeti-jeti nelayan sedia ada.
- Meningkatkan kemudahan utama di Pusat Pendaratan Ikan seperti di LKIM Tok Bali.
- Potensi industri gas dan petroleum di Tok Bali - Trans-Nusantara Paip Line.

Infrastruktur dan Pengangkutan


- Penyelenggaraan sungai-sungai yang terdedah kepada kejadian banjir di Jajahan Pasir Puteh.
- Menaiktaraf Pelabuhan Perikanan Tok Bali.
- Mencadangkan jalan baru dan naik taraf jalan-jalan sedia ada seperti pembinaan Lebuhraya Pantai Timur (LPT), Jalan Persekutuan 3 dan Jalan Negeri D13.

Kemudahan Masyarakat, Landskap dan Alam Sekitar

- Menambah dan menyediakan kemudahan masyarakat yang mencukupi serta menaiktaraf kemudahan yang berpotensi.
- Program menambahbaik landskap Bandar Pasir Puteh, Selising dan Tok Bali.
- Program pengkalan dan pencegahan pencemaran air Sungai Semerak dan Marin di Tok Bali



Jambatan Tok Bali



Jabatan Perancangan Bandar dan Desa Semenanjung Malaysia adalah agensi kerajaan di bawah Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan yang bertanggungjawab dalam Perancangan Bandar dan Desa di negara ini. Selain daripada penyediaan Rancangan Fizikal Negara dan Dasar-dasar Perancangan Negara, ianya juga bertanggungjawab membantu Kerajaan Negeri dan Pihak Berkuasa Tempatan dalam merancang kawasan seperti Rancangan Tempatan Daerah dan Rancangan Kawasan Khas.

Anda juga boleh melayari laman web untuk keterangan lanjut di laman sesawang <http://www.townplan.gov.my/epublisiti/> dan <http://onemapservers.com/>